



Menjejak Bukti Audit

Rafedah Juhan
Sektor Perbankan dan Kewangan

Pendahuluan

Bukti audit merupakan segala bentuk maklumat atau data-data sah yang digunakan oleh juruaudit untuk melahirkan pandangannya terhadap sesuatu perkara. Mengumpul dan menilai bukti audit yang mencukupi, bersesuaian dan boleh dipercayai pula merupakan perkara paling asas dalam pelaksanaan mana-mana tugas pengauditan. Oleh itu, setiap juruaudit perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan mengumpul bukti audit.

Dalam gerakan koperasi, tugas pengauditan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), selain Juruaudit Luar yang hanya berfungsi mengaudit Penyata Kewangan koperasi. Tugas dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh JAD bukanlah semata-mata meliputi pemeriksaan ke atas akaun koperasi sahaja. Tetapi tugas ini turut mencakupi pengauditan ke atas pengurusan dan hal ehwal koperasi, termasuklah pelanggaran terhadap Akta, Peraturan atau Undang-undang Kecil Koperasi.

Justeru, untuk melahirkan pandangannya terhadap keberkesanan pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus sesebuah koperasi, JAD perlu mempunyai bukti-bukti audit yang kukuh bagi menyokong pandangannya di dalam Laporan Audit kelak.

Persoalannya adalah bagaimanakah caranya untuk JAD mendapatkan bukti-bukti audit ini? Apakah teknik-teknik yang boleh digunakan untuk mendapatkan bukti audit supaya ianya dapat di kumpul dan dinilai bagi menyokong pandangannya di dalam laporan audit?

Teknik –teknik Asas Menjejak Bukti Audit

Secara asasnya, terdapat tujuh teknik yang boleh digunakan JAD untuk menjejak bukti audit iaitu:

1. Pemeriksaan Fizikal

Pemeriksaan fizikal adalah teknik audit yang memerlukan JAD membuat pemeriksaan secara fizikal ke atas aset-aset nyata. Objektif teknik ini adalah untuk mengesahkan kewujudan sesuatu aset yang tertera dalam Penyata Kewangan. Kewujudannya perlulah disahkan daripada aspek kuantiti, kondisi dan kualiti aset. Teknik ini lazimnya dikaitkan dengan pemeriksaan ke atas inventori, tunai dan aset tetap. Walau bagaimanapun, oleh kerana teknik ini tidak dapat membuktikan hak pemilikan ke atas sesuatu aset, bukti berdokumen diperlukan bagi mengesahkan hak pemilikan tersebut.

Contoh pemeriksaan fizikal yang boleh dilakukan oleh JAD adalah membuat pemeriksaan secara fizikal ke atas tunai runcit yang dipegang oleh kerani akaun. Bukti audit diperoleh dengan cara memastikan kewujudan tunai tersebut seterusnya mengira kecukupan kuantiti tunai tersebut berbanding yang direkodkan.

2. Pengesahan

Melalui teknik pengesahan, bukti audit diperoleh dengan mendapatkan pengesahan atau persetujuan secara bertulis atau lisan daripada pihak ketiga yang bebas. Contoh pihak ketiga yang bebas adalah anggota koperasi, pihak bank, pelanggan, syarikat insurans dan pemiutang. Pihak ini dikatakan bebas kerana tidak terlibat di dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran koperasi. Namun, pihak ini mempunyai kepentingan dalam urusan perniagaan koperasi. Dalam hal ini, pengesahan atau persetujuan yang diperlukan JAD daripada pihak ketiga tersebut adalah berkenaan ketepatan sesuatu data atau maklumat.

Terdapat dua kaedah pengesahan yang boleh digunakan oleh JAD untuk mendapatkan bukti audit iaitu:

i. Pengesahan positif

Pihak ketiga dikehendaki untuk memberi maklum balas sama ada setuju atau tidak terhadap semua data dan maklumat yang diberikan

ii. Pengesahan negatif

Pihak ketiga hanya perlu memberi maklum balas terhadap maklumat yang salah sahaja. Sekiranya tiada sebarang maklum balas daripada pihak ketiga, ini bermakna semua data dan maklumat yang diberikan adalah betul dan dipersetujui pihak ketiga tersebut.

Contoh teknik pengesahan yang boleh dilakukan JAD adalah meminta anggota koperasi untuk mengesahkan ketepatan amaun modal syer yang tertera dalam Penyata Anggota. Dalam hal ini, JAD boleh meminta pihak pengurusan koperasi mengeluarkan surat kepada anggota berkenaan.

Melalui kaedah pengesahan positif, pengesahan dan persetujuan anggota perlu diperoleh bagi membuktikan maklumat tersebut tepat. Surat perlu dikeluarkan sekali lagi jika tiada sebarang maklum balas diberikan. Sebaliknya, melalui kaedah pengesahan negatif pula, berdiam tandanya setuju. Amaun modal syer tersebut dianggap tepat jika tiada sebarang maklum balas atau bantahan daripada anggota tersebut.

3. Dokumentasi

Teknik dokumentasi dilakukan dengan cara JAD melakukan pemeriksaan terhadap dokumen dan rekod-rekod urusan niaga sesebuah koperasi. Terdapat dua kategori dokumen yang boleh memberikan bukti audit kepada JAD iaitu *Dokumen Dalaman* dan *Dokumen Luaran*.

Dokumen Dalaman adalah dokumen yang dihasilkan oleh koperasi. Ia hanya digunakan di peringkat dalaman koperasi dan tidak dikeluarkan kepada mana-mana pihak luar. Contohnya borang ambilan barang niaga, minit mesyuarat ALK dan manual prosedur kerja. Manakala **Dokumen Luaran** pula adalah dokumen yang dihasilkan sama ada dari dalam atau luar koperasi. Ianya berada di dalam simpanan koperasi dan juga pihak luar koperasi. Contohnya invois, kontrak perjanjian sewa beli dan geran tanah.

Pemeriksaan ke atas dokumen dan rekod dibuat bagi membuktikan kesahihan

maklumat yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan. Melalui teknik ini, bukti audit boleh dijejak dengan cara berikut:

i. Vouching

Mengesahkan suatu bukti dengan cara memilih catatan dalam rekod perakaunan dan membandingkannya dengan dokumen.

ii. Tracing

Bukti disahkan dengan cara memilih dokumen dan menyemak semula kewujudan dan ketepatan catatannya di dalam rekod perakaunan.

iii. Siasatan

Melibatkan pembacaan yang lebih kritis dan teliti ke atas sesuatu dokumen dengan cara membandingkan maklumat di dalam dokumen dengan informasi lain yang diketahui oleh JAD. Contoh dokumen yang boleh disiasat adalah surat perjanjian sewa, insuran, geran dan lain-lain.

iv. Perbandingan/Penyesuaian

Membuat proses perbandingan/penyesuaian di antara dokumen yang diterbitkan daripada dalam koperasi dengan dokumen yang diterbitkan oleh pihak luar. Sebarang perbezaan data perlulah dikenal pasti puncanya. Contohnya membuat perbandingan/penyesuaian ke atas penyata bank dengan buku tunai koperasi.

Selain itu, teknik dokumentasi juga membolehkan JAD mengenal pasti kewujudan, menilai kesesuaian dan menilai tahap keberkesanan dan pelaksanaan Sistem Kawalan Dalaman (SKD) dalam koperasi. Dokumen seperti aturan, prosedur, arahan kerja, fail meja dan senarai tugas yang terdapat dalam koperasi merupakan antara bukti kewujudan SKD. Pembacaan

terhadap dokumen yang disediakan ini pula membolehkan JAD menilai kesesuaian sesuatu SKD yang telah dibentuk di dalam koperasi. Manakala penggunaan rekod-rekod urus niaga seperti rekod ambilan barang niaga dan rekod pengeluaran dan penerimaan inventori yang sentiasa dikemas kini boleh membuktikan tahap keberkesanan dan pelaksanaan sesuatu SKD yang telah dibentuk.

4. Tanya Selidik

Melalui teknik ini, bukti audit dijejak dengan cara membuat soal selidik sama ada secara bertulis ataupun lisan kepada individu yang telah dikenal pasti dan bersesuaian. Tujuan tanya selidik ini dibuat adalah untuk mendapatkan bukti mengenai tatacara dan proses sesuatu kerja yang diamalkan oleh pihak pengurusan dan kakitangan di koperasi. Bukti kesesuaian serta keberkesanan terhadap proses kerja tersebut juga boleh diperoleh melalui teknik ini.

Lazimnya, tanya selidik ini dibuat kepada pihak pengurusan dan kakitangan koperasi sebagai pihak yang paling mengetahui operasi dan pengendalian kerja di koperasi. Namun, teknik ini juga boleh dilaksanakan ke atas individu yang menerima sebarang perkhidmatan daripada koperasi, contohnya anggota dan pelanggan koperasi.

Caranya, JAD boleh bertanyakan kakitangan koperasi tatacara merekodkan transaksi perakaunan dan kawalan dalaman yang diamalkan. Selain itu, JAD juga boleh mendapatkan maklum balas daripada pelanggan koperasi tentang tahap kepuasan hati mereka terhadap perkhidmatan yang disediakan di koperasi.

5. Ulang Semula /Pengiraan semula

Teknik ini memerlukan JAD mengulang semula pengiraan dan kerja yang telah dilakukan oleh kakitangan koperasi. Bukti yang

Teknik dokumentasi juga membolehkan JAD mengenal pasti kewujudan, menilai kesesuaian dan menilai tahap keberkesanan dan pelaksanaan Sistem Kawalan Dalaman (SKD) dalam koperasi. Dokumen seperti aturan, prosedur, arahan kerja, fail meja dan senarai tugas yang terdapat dalam koperasi merupakan antara bukti kewujudan SKD.

diperoleh daripada teknik ini membolehkan JAD menentukan sejauh mana maklumat yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan adalah tepat dari sudut aritmetik atau pun perekodan.

Teknik ulang semula ini boleh dilakukan dengan cara memilih beberapa sampel dokumen dan rekod seterusnya menguji ketepatan pengiraan seperti hasil tambah dan tolak. Selain itu, teknik ulang semula juga melibatkan pengujian ke atas pindahan catatan ke rekod perakaunan.

Dalam hal ini, JAD boleh mendapatkan bukti dengan mengira semula ketepatan jumlah invois dengan mendarabkan kuantiti jualan dengan harga seunit jualan itu. JAD juga boleh mengulang semula proses merekod invois ke dalam buku jurnal jualan dan lejar kecil penghutang. Hasil ulang semula/pengiraan semula yang dilakukan oleh JAD ini perlu dibandingkan semula dengan hasil yang telah dilaksanakan oleh pengurusan atau tenaga kerja koperasi.

6. Pemerhatian

Teknik Pemerhatian adalah teknik yang memerlukan JAD memerhatikan secara visual tingkah laku pelaksanaan sesuatu aktiviti dan kemudian membandingkannya dengan prosedur yang sepatutnya digunakan. Teknik ini dibuat bagi mengesahkan keadaan sebenar pelaksanaan sesuatu sistem atau proses kerja. Selain itu, teknik pemerhatian juga dibuat untuk menyemak kewujudan, kecukupan, penggunaan dan penyelenggaraan sumber yang ada, peralatan serta kemudahan bagi membolehkan sesuatu aktiviti atau prosedur dapat dilaksanakan dengan cekap dan betul.

Antaranya JAD boleh melawat kawasan pejabat koperasi bagi mendapatkan gambaran menyeluruh berkenaan fasiliti dan alat-alat keselamatan yang disediakan di pejabat. Begitu juga dari segi susun atur pejabat, penyelenggaraan dan penjagaan peralatan pejabat koperasi boleh diperhatikan. JAD juga boleh memerhatikan sendiri bagaimana kakitangan koperasi melaksanakan tugas mereka contohnya cara layanan ke atas pelanggan di kaunter, pengasingan tugas dalam merekod dan menyimpan wang di bank dan juga tatacara merekodkan maklumat daripada dokumen punca ke dalam rekod perakaunan.

Kesemua perkara yang diperhatikan ini boleh membantu JAD mendapatkan bukti bagi menyokong pandangannya terhadap sejauh mana pelaksanaan sesuatu kerja di koperasi mengikuti prosedur yang telah ditetapkan.

7. Prosedur Analitikal

JAD juga boleh menggunakan teknik Prosedur Analitikal bagi menjejak bukti audit. Teknik Prosedur Analitikal ini memerlukan JAD membuat kajian dan perbandingan perhubungan di antara maklumat kewangan

dan bukan kewangan bagi menentukan sama ada baki-baki akaun dan data-data lain yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan adalah munasabah. Antara kaedah yang digunakan dalam membuat kajian dan perbandingan ini adalah melalui analisis nisbah, analisis trend, analisis regresi, 'reasonable test', perbandingan tempoh masa, perbandingan ramalan dan maklumat luaran berkenaan ekonomi.

Prosedur analitikal ini membolehkan JAD untuk :

- a. Memahami industri dan aktiviti perniagaan yang diceburi koperasi
- b. Menilai keupayaan koperasi untuk terus berdaya tahan
- c. Mengesan sebarang kesilapan maklumat dalam Penyata Kewangan
- d. Mengurangkan ujian terperinci semasa menjalankan proses audit

Bagi mendapatkan bukti audit, Teknik Prosedur Analitikal ini boleh dilaksanakan dengan cara:

i. Membuat perbandingan di antara koperasi dengan industri

JAD membuat perbandingan di antara koperasi dengan industri bagi memahami peluang, ancaman, kekuatan dan kelemahan koperasi. Perbandingan ini juga membolehkan JAD mengetahui kedudukan koperasi berbanding dengan koperasi lain atau pesaing yang menjalankan aktiviti yang sama. Salah satu kaedah yang boleh digunakan adalah membuat perbandingan analisis nisbah purata industri dengan nisbah yang diperoleh koperasi.

ii. Membuat perbandingan di antara data semasa dan terdahulu

Perbandingan boleh dibuat dengan cara membandingkan baki-baki akaun induk tahun semasa dengan tahun terdahulu. JAD juga boleh membuat perbandingan menggunakan nisbah-nisbah tertentu seperti nisbah untung kasar, nisbah pusingan atas

aset dan nisbah tempoh kutipan hutang untuk tahun semasa berbanding tahun terdahulu. Semua perbandingan ini antara lain bertujuan untuk memastikan angka-angka yang konsisten di dalam Penyata Kewangan koperasi.

iii. Membandingkan data semasa dengan data jangkaan koperasi

JAD boleh membuat perbandingan data laporan kewangan terkini koperasi dengan data belanjawan/ramalan yang telah dibuat pada tahun sebelumnya bagi mengenal pasti sebarang perbezaan yang ketara. Sekiranya ini berlaku, JAD perlu mendapatkan jawapan kepada perbezaan tersebut.

iv. Membandingkan data semasa dengan data jangkaan JAD

JAD juga boleh membuat sebarang jangkaan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman masing-masing. Sebagai contoh, berpandukan pengalaman dan kemahiran yang ada, JAD boleh menjangkakan baki-baki akhir bagi akaun-akaun tertentu. Jika baki semasa didapati mempunyai baki yang jauh berbeza daripada yang dijangka, maka JAD perlulah membuat pemeriksaan lebih lanjut ke atas perbezaan tersebut.

v. Membandingkan data semasa dengan data bukan kewangan

Perbandingan data semasa dengan data bukan kewangan boleh dibuat dengan cara mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai perkaitan dengan pengiraan sesuatu data tersebut. Tujuan utamanya adalah untuk memastikan ketepatan data. Contohnya, bagi memastikan ketepatan angka dalam jumlah pendapatan hotel yang dilaporkan, JAD boleh mengira kesemua jumlah bilik hotel yang boleh disewakan kepada pelanggan. Dengan cara ini JAD boleh mengenal pasti sejauh mana data hasil sewa yang dilaporkan munasabah atau tidak. Contoh lain adalah JAD membandingkan jumlah perbelanjaan

gaji dengan jumlah pekerja bagi menguji ketepatan data yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan.

Pertimbangan Dalam Pemilihan Teknik Audit

Tidak dinafikan, dalam menjejak bukti audit, JAD mempunyai pelbagai alternatif teknik audit yang boleh digunakan. Walau bagaimanapun, tidak semua teknik ini sesuai untuk digunakan dalam semua keadaan. Justeru, terdapat beberapa pertimbangan perlu dibuat oleh JAD bagi mengaplikasikan teknik-teknik audit tersebut. Faktor pertimbangan tersebut adalah meliputi:

1. Kebolehpercayaan bukti

Setiap teknik yang telah dibincangkan memberikan tahap kebolehpercayaan bukti yang berbeza. Dalam hal ini, menurut Arens et al. (2008), teknik pemeriksaan, pengesahan, dokumentasi dan ulang semula merupakan teknik yang menghasilkan bukti audit yang kukuh dan dipercayai.

Walaupun bagaimanapun, bukti yang diperoleh daripada setiap teknik ini juga perlu diperhalusi. Contohnya, melalui teknik pengesahan, bukti yang diperoleh daripada teknik pengesahan positif sebenarnya adalah lebih dipercayai berbanding pengesahan negatif kerana pengesahan negatif

mengandai maklumat tepat jika tiada sebarang maklum balas daripada pihak ketiga. Keadaan ini tidak semestinya tepat kerana berkemungkinan pihak ketiga tersebut tidak menerima surat atau langsung tidak mempunyai pengetahuan berkenaan maklumat yang diperlukan JAD.

Bagi teknik dokumentasi pula, penggunaan dokumen luaran adalah lebih dipercayai memandangkan dokumen luaran berada di tangan pihak luar dan koperasi. Ini memberikan petunjuk (indicator) bahawa kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan ke atas maklumat yang tertera dalam dokumen tersebut.

Terdapat juga beberapa teknik audit yang telah dibincangkan menghasilkan bukti audit yang agak lemah dan perlu disokong/disertai dengan bukti-bukti audit yang diperoleh daripada teknik lain. Teknik tersebut adalah teknik pemerhatian dan teknik tanya selidik.

Bukti yang diperoleh melalui tanya selidik sebenarnya lebih sesuai digunakan sebagai panduan awal bagi mendapatkan bukti-bukti audit lain dengan menggunakan teknik yang berbeza. Ini kerana bukti yang diperoleh menggunakan teknik ini berkemungkinan mengundang maklum balas yang *bias* daripada pihak yang ditanya selidik. Justeru, JAD perlu

Dalam gerakan koperasi, tugas pengauditan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), selain Juruaudit Luar yang hanya berfungsi mengaudit Penyata Kewangan koperasi

mendapatkan sokongan daripada bukti yang diperoleh menggunakan teknik lain seperti dokumentasi dan pemerhatian.

Menggunakan teknik pemerhatian semata-mata bagi mendapatkan bukti audit pula sebenarnya tidak memadai kerana terdapat risiko kehadiran JAD disedari oleh pihak yang sedang diperhatikan tersebut. Ini menyebabkan mereka akan cuba menunjukkan amalan yang terbaik semasa diperhatikan oleh JAD dan kembali melakukan kesilapan apabila ketiadaan JAD. Dalam hal ini JAD perlu menyokong dan mengesahkan bukti yang diperoleh melalui teknik pemerhatian ini dengan menggunakan teknik dokumentasi, ulang buat dan soal selidik.

2. Keupayaan juruaudit

Sungguhpun bukti audit yang diperoleh melalui teknik pemeriksaan fizikal merupakan teknik yang paling dipercayai dan berguna dalam pengumpulan bukti audit, dalam aspek tertentu, JAD mungkin tidak mempunyai kepakaran untuk menilai faktor kualitatif sesuatu aset seperti tahap keusangan atau kesahihan nilai sesuatu aset. Mengesahkan ketepatan nilai aset sebagaimana dinyatakan di dalam Penyata Kewangan juga tidak dapat ditentukan dengan membuat pemeriksaan fizikal semata-mata. Sebagai contoh, JAD mungkin tidak mempunyai kepakaran dalam menganggar nilai aset tanah atau sebuah lukisan. Dalam hal ini JAD perlu mendapatkan bantuan

dan pengesahan daripada pakar dan ini akan melibatkan penambahan dalam kos audit.

Begitu juga dalam penggunaan Teknik Prosedur Analitikal. Ia memerlukan kemahiran analisa daripada JAD sendiri dalam memahami sesuatu maklumat dan menginterpretasikan secara kritis maklumat yang diperoleh melalui hasil analisa tersebut. Dalam keadaan ini, tidak semua JAD mempunyai kemahiran dalam menganalisis maklumat, dan juga kebolehan untuk membaca dan memahami maklumat yang terkandung di dalam Penyata Kewangan. Oleh itu, JAD perlu menggunakan teknik lain yang bersesuaian dengan kemahiran dan pengalamannya.

Walau bagaimanapun, menurut GP04:Garis Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman, sekiranya JAD tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang kewangan dan perakaunan semasa pelantikannya, JAD tersebut perlulah berjanji untuk menimba pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kewangan dalam masa enam bulan selepas pelantikannya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya setiap JAD untuk mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang kewangan dan perakaunan bagi membolehkannya mengaudit koperasi.

3. Kos efektif

Menurut Arens et al. (2008), terdapat dua teknik audit yang dikatakan akan menyumbangkan kos tertinggi untuk dilaksanakan iaitu teknik pemeriksaan fizikal dan pengesahan.

Pemilihan teknik pemeriksaan fizikal dikatakan melibatkan kos yang tinggi kerana JAD perlu hadir secara fizikal di tempat yang hendak diaudit, terutamanya semasa pengiraan inventori akhir tahun kewangan. Jika sekiranya lokasi tersebut terletak jauh daripada JAD berada, sudah pasti akan melibatkan kos-kos seperti pengangkutan, penginapan dan lain-lain tuntutan bagi membolehkan JAD berada di tempat tersebut.

Begitu juga apabila memilih untuk menggunakan teknik pengesahan. Teknik ini juga dikaitkan dengan keperluan kos yang tinggi kerana ia melibatkan kos untuk penyediaan bahan pengesahan, pengeposan, penerimaan semula bahan, membuat panggilan telefon dan tindakan susulan jika tiada maklum balas diterima.

Sebaliknya, teknik dokumentasi dan prosedur analitikal pula dikatakan melibatkan kos yang sederhana. Teknik dokumentasi hanya melibatkan kos yang sangat rendah sekiranya dokumen disimpan dengan baik oleh koperasi dan dalam masa yang sama kesemua rekod-rekod dan dokumen yang diperlukan JAD ada dalam simpanan koperasi. Sebaliknya, teknik dokumentasi boleh memakan belanja yang tinggi jika dokumen dan rekod yang diperlukan oleh JAD tiada dalam simpanan koperasi. Keadaan ini akan memaksa JAD mendapatkannya daripada sumber luar dan boleh melibatkan kos yang tinggi.

Teknik Prosedur Analitikal juga melibatkan kos yang sederhana kerana teknik ini hanya melibatkan analisa ke atas data-data yang diperoleh JAD. Malah teknik ini juga boleh menggantikan Teknik Pengesahan bagi tujuan untuk mengesahkan ketepatan data penghutang dan pemiutang. Semuanya boleh dilakukan dengan membuat analisa ke atas data penghutang dan pemiutang ini menggunakan kaedah analisis yang bersesuaian.

Rujukan

- Arens A. A & et al.(2008). Auditing and assurance services in Malaysia. An integrated approach. Petaling Jaya:Pearson.
- Izdihar Baharin. (2003). Pengauditan satu pengenalan. Petaling Jaya:Prentice Hall.
- Razimah Abdullah.(2006). Audit dalam yang berkesan. Rujukan lengkap proses audit.Uitm Shah Alam: UPENA.
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (n.d). GP04: Garis panduan pelantikan dan fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman.Malaysia:Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Takiah Iskandar.(1995). Asas pengauditan. Kuala Lumpur:Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- The Institute of Internal Auditors Global.(2013). International Professional Practices Framework (IPPF). The IIA Research Foundation.

Manakala teknik yang melibatkan kos yang paling rendah pula adalah Teknik Pemerhatian, Tanya Selidik dan Pengiraan Semula/Ulang Buat. Kesemua teknik ini boleh dilakukan secara serentak semasa proses audit dilakukan. Contohnya JAD boleh memerhatikan bagaimana kakitangan melaksanakan tugas masing-masing semasa membuat pemeriksaan fizikal ke atas inventori koperasi. Teknik Ulang Semula pula tidak melibatkan sebarang kos jika ia hanya melibatkan pengiraan semula yang mudah dan ringkas. Manakala Teknik Tanya Selidik pula boleh digunakan pada setiap kali pelaksanaan mana-mana teknik audit.

Kesimpulan

Secara asasnya, terdapat tujuh teknik yang boleh digunakan JAD untuk menjejak bukti audit. Setiap satu teknik ini mempunyai kesesuaian dan keupayaan pembuktian yang berbeza-beza. Justeru, untuk menentukan teknik audit yang paling sesuai bagi menghasilkan bukti audit, juruaudit boleh memilih salah satu, semua atau kombinasi di antara tujuh teknik audit tersebut. Penentuan bagi memilih teknik-teknik yang ada ini pula seharusnya mengambil kira beberapa perkara seperti tahap kebolehpercayaan bukti yang akan dihasilkan, keupayaan JAD itu sendiri serta kos yang bakal dilibatkan. **DK**